



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[GAZI HUSREV BEG: THE PHILANTROPIST WHO DEVELOP
WAQF IN SARAJEVO]**

**GAZI HUSREV BEG: DERMAWAN YANG MEMBANGUNKAN
WAKAF DI SARAJEVO**

NUR AINUL BASYIRAH ALIAS¹
ERMY AZZIATY ROZALI^{2*}

¹ Institut Islam Hadhari,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA

² Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, FPI & Institut Islam Hadhari,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA

*Corresponding Author: ermy@ukm.edu.my

Received Date: 15 January 2021 • Accepted Date: 30 March 2021

Abstract

This research is discuss about the important figure in the development of *waqf* in Sarajevo by the governor of Bosnia in the 16th century, Gazi Husrev Beg. His important role in developing the city of Sarajevo through his *waqf* institutions had a positive impact on the local community. Sarajevo, which was originally a small settlement changed into a well-organized city and a thriving trading center in the early 16th century. Although Gazi Husrev Beg was not a pioneer of *waqf* establishment in Sarajevo, but the development of the city of Sarajevo was seen to reach its peak after his *waqf* institution, especially the *waqf* complex and *bezistan* (closed market) began to be built. Therefore, this writing aims to examine the *waqf* of Gazi Husrev Beg in Sarajevo as well as look at the development of the city as a result of his *waqf*. The methodology of this research is focused on information obtained from library research such as books, journal articles, theses and websites. In addition, this study also obtained data from the *Medrese Kurshumliya Museum* which is a museum within the Gazi Husrev Beg *waqf* complex. Thus, the findings of this research identify that Gazi Husrev Beg had his own *waqf* complex as commonly did by the Ottoman rulers in Anatolia. In addition to establishing *waqf* institutions, he and his wife, Shahdidar also provided loans to businessmen through the money invested by them, subsequently setting the interest for each loan at the rate allowed by the fatwa of the Ottoman *mufti*. Through the benefits of the loan, it is change into cash *waqf* to be channeled for building maintenance and payment of salaries for employees at the *waqf* institution with the existence of this *waqf* building, the city of Sarajevo developed into an important administrative and commercial center throughout the era of Ottoman rule in Bosnia and Herzegovina.

Keywords: Gazi Husrev Beg, Ottoman Sarajevo, *waqf* history, *waqf* complex

Abstrak

Kajian ini membincangkan berkaitan tokoh penting dalam pembangunan wakaf di Sarajevo oleh gabenor Bosnia pada abad ke-16M, iaitu Gazi Husrev Beg. Peranan penting beliau dalam memajukan bandar Sarajevo melalui institusi wakaf miliknya memberikan impak yang positif kepada masyarakat tempatan. Sarajevo yang pada awalnya merupakan penempatan kecil berubah landskap menjadi sebuah bandar yang tersusun dan pusat perdagangan yang pesat bermula awal abad ke-16M. Walaupun Gazi Husrev Beg bukanlah pelopor kepada pembinaan wakaf di Sarajevo, tetapi kemajuan bandar Sarajevo dilihat mencapai kemuncaknya setelah institusi wakaf beliau terutamanya kompleks wakaf serta *bezistan* (pasar tertutup) mula dibina. Oleh yang demikian, penulisan ini bertujuan untuk meneliti wakaf Gazi Husrev Beg di Sarajevo serta melihat pembangunan bandar tersebut hasil wakaf beliau. Metodologi kajian ini adalah tertumpu kepada maklumat yang didapati daripada kajian kepustakaan seperti buku, artikel jurnal, tesis dan laman sesawang. Selain itu, kajian ini juga mendapatkan data daripada *Muzium medrese Kurshumliya*, iaitu sebuah muzium di dalam kompleks wakaf Gazi Husrev Beg. Justeru, dapatan kajian mengenal pasti bahawa Gazi Husrev Beg mempunyai kompleks wakafnya sendiri seperti mana yang biasa dilakukan oleh pemerintah ‘Uthmaniyyah di Anatolia. Selain menubuhkan institusi wakaf, beliau dan juga isterinya, Shahdidar turut memberikan pinjaman kepada para ahli perniagaan melalui wang yang dilaburkan oleh mereka, seterusnya menetapkan faedah bagi setiap pinjaman dengan kadar yang dibenarkan oleh fatwa mufti kerajaan ‘Uthmaniyyah. Melalui faedah pinjaman tersebut, ia dijadikan wakaf tunai untuk disalurkan untuk penyelenggaraan bangunan dan pembayaran gaji para pekerja di institusi wakafnya. Dengan kewujudan bangunan wakaf ini, bandar Sarajevo berkembang menjadi pusat pentadbiran dan perdagangan yang penting di sepanjang era pemerintahan ‘Uthmaniyyah di Bosnia dan Herzegovina.

Kata kunci: Gazi Husrev Beg, Sarajevo era ‘Uthmani, Sejarah wakaf, Kompleks wakaf

Cite as: Nur Ainul Basyirah Alias & Ermy Azziaty Rozali. 2021. Gazi Husrev Beg: Dermawan yang Membangunkan Wakaf di Sarajevo. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 22(1): 52-60.

PENGENALAN

Pada tahun 1463, wilayah Bosnia dan Herzegovina yang terletak di Semenanjung Balkan telah berjaya dikuasai oleh tentera ‘Uthmaniyyah dalam rentetan siri peperangan yang berlaku sejak abad ke-14M lagi. Tidak dapat dinafikan sejak tahun tersebut, agama Islam mula dikenali dengan lebih dekat di kawasan Eropah Timur serta menerima kemasukan beramai-ramai para penduduk Bosnia sehingga abad ke-20M walaupun penguasaan kerajaan ‘Uthmaniyyah terhadap wilayah tersebut telah tamat pada tahun 1878. Melalui penguasaan ini bukan sahaja agama Islam tersebar luas, tetapi juga ajaran Islam, budaya, bahasa, sistem pentadbiran dan polisi ‘Uthmaniyyah turut diserap masuk. Pada hakikatnya, proses penyerapan ini saling berkait dan saling mempengaruhi di antara wilayah Bosnia dan kerajaan ‘Uthmaniyyah (Rosen, 2012: 88). Proses persepaduan ini juga telah menyebabkan ramai penduduk di Anatolia berpindah ke wilayah Bosnia serta situasi sebaliknya berlaku kerana polisi *sürgün*. Polisi ini memerintahkan individu-individu atau kelompok tertentu untuk berpindah ke wilayah yang baru dikuasai. Ini demi meningkatkan populasi penduduk di samping melakukan pembangunan dari sudut

ekonomi. Sesiapa yang rela hati untuk berpindah akan mendapat tanah dan rumah yang dihadiahkan oleh sultan. Hal ini sama seperti yang berlaku ketika Sultan Mehmet II ingin membangunkan Istanbul (İnalcik, 2012; İnalcik, 2000).

Wilayah Bosnia yang pada ketika itu turut dilaksanakan polisi *devşirme* telah memberi ruang kepada sebahagian penduduknya untuk mendapat pekerjaan di bawah pemerintahan ‘Uthmaniyyah. Polisi ini diamalkan ke atas wilayah taklukan dengan cara pemerintah ‘Uthmaniyyah akan merekrut penduduk yang bukan beragama Islam untuk berkhidmat dalam pelbagai jawatan (Akgunduz & Ozturk, 2011). Keadaan ini boleh dilihat apabila perlantikan ramai orang Bosnia untuk menjawat jawatan penting dalam kerajaan ‘Uthmaniyyah seperti gabenor, menteri, panglima perang, kadi (hakim) dan jawatan penting dalam istana. Selain itu, polisi ini menjadikan sebahagian besar mereka yang bukan beragama Islam telah memeluk Islam dan ada yang kembali menyebarkan Islam di tempat asal mereka. Mereka kemudiannya berkhidmat dan berbakti di wilayah asal serta menubuhkan institusi wakaf bagi meluaskan lagi budaya Islam di samping membangunkan kawasan tersebut. Keadaan ini boleh dilihat dalam pembangunan bandar Sarajevo, Mostar, Banja Luka, Travnik dan Visoko oleh mereka yang berasal dari Bosnia dan Herzegovina dan kembali menetap selepas berkhidmat di bawah pemerintahan ‘Uthmaniyyah. Situasi ini juga menyebabkan wujudnya perkahwinan campur di antara penduduk Bosnia dan Istanbul sama ada dari kalangan bangsawan, para pegawai mahupun rakyat marhaen. Menurut İnalcik (2000), ketika era ‘Uthmaniyyah menguasai Bosnia dan Herzegovina, sebanyak 232 rumah penginapan, 18 *karavansarai*, 32 asrama, 10 pasar tertutup dan 42 buah jambatan telah dibina.

LATAR BELAKANG KEHIDUPAN GAZI HUSREV BEG (1480-1541)

Antara panglima perang dan gabenor yang terkenal dalam pemerintahan ‘Uthmaniyyah pada abad ke-16M ialah Gazi Husrev Beg. Beliau digelar sebagai Gazi Husrev yang merujuk kepada istilah ‘Gazi’, iaitu bererti pahlawan. Beliau dilahirkan pada tahun 1480 di Serez, Greece. Menariknya, bapa beliau, iaitu Ferhad Bey yang merupakan gabenor Serez pada ketika itu merupakan keturunan Bosnia manakala ibunya pula ialah puteri Sultan Beyazit II (1447/1448-1512), Sultana Selçuk (Verde, 2016). Ini menjadikan Gazi Husrev merupakan cucu kepada sultan ke-8 kerajaan ‘Uthmaniyyah ini dan juga sepupu kepada Sultan Suleyman I serta cicit Sultan Mehmet II yang juga dikenali sebagai Sultan al-Fateh (1432-1481) (*Muzium medrese Kurshumliya*, 2019). Kehidupan waktu kecilnya sehinggalah beliau mendapat pendidikan adalah tertumpu di sekitar istana sultan. Ini kerana datuknya, Sultan Beyazit II diangkat menjadi sultan setahun selepas kelahirannya. Walau bagaimanapun, kesenangan yang dikecapinya itu tidak menghalangnya menjadi seorang yang hebat dan gagah apabila keluar serta menjadi pemimpin.

Oleh kerana keberanian dan kehebatan Gazi Husrev Beg di medan perang, beliau diberi gelaran ‘Gazi’ yang bererti pahlawan. Ini dibuktikan dalam catatan beberapa peperangan yang disertainya di Semenanjung Balkan pada abad ke-16M. Selain mempunyai sifat berani, beliau merupakan seorang yang pakar dalam strategi peperangan dan sentiasa membantu kemenangan tentera ‘Uthmaniyyah. Ini dicapai dalam usaha penaklukan Belgrade pada tahun 1521 serta penawanan kubu di Knin, Skradin Ostrovica. Beliau kemudiannya melakukan penguasaan di bandar-bandar kecil dalam wilayah Balkan seperti Vinac, Jezero, Udbina, Vrana, Greben dan

Sokol (Raza, 2015). Selain itu, beliau merupakan watak penting dalam usaha mengalahkan tentera salib di dalam peperangan Mohács. Begitu juga pada tahun 1528, beliau dan tenteranya berjaya mendepani krisis kekosongan kuasa di Montenegro apabila gabenornya, Skenderbeg meninggal dunia.

Serentak dengan penglibatan beliau di dalam medan peperangan, Gazi Husrev Beg juga dilantik menjadi gabenor di *Sanjak* Bosnia sebanyak tiga kali bermula tahun 1521-1525, kemudiannya dilantik semula pada tahun 1526 sehingga tahun 1534 dan seterusnya pada tahun 1536 sehingga beliau meninggal dunia pada tahun 1541. Sebelum menerima perlantikan di Bosnia, Gazi Husrev Beg pernah dilantik menjawat jawatan pembesar di *Sanjak* Smederovo. Ketika pemerintahan Sultan Suleyman I (atau juga digelar Sultan Suleyman al-Qanuni) (1494/1495-1566), beliau menjadi orang kepercayaan sultan lebih-lebih lagi kedua-duanya dibesarkan di bawah jagaan yang sama. Di hujung hayatnya pada tahun 1541, beliau meninggal dunia semasa bertempur dengan tentera Kristian di Morocco, sebuah perkampungan kecil di wilayah Montenegro dan dikebumikan di atas sebuah bukit kecil, iaitu Hodžina Glavica yang terletak di Sarajevo (Raza, 2015).

PENUBUHAN AWAL WAKAF DI SARAJEVO PADA ABAD KE-15M

Amalan wakaf yang menjadi satu budaya dalam kalangan masyarakat ‘Uthmaniyyah disebar luaskan oleh pemerintah serta pegawai tinggi dan tentera ‘Uthmaniyyah ke wilayah naungan mereka. Ia bukan sahaja dipelopori oleh golongan bangsawan dan orang-orang kaya malah, rakyat biasa turut berlumba-lumba untuk melakukannya. Melalui evolusi dan perkembangan wakaf yang dilakukan kerajaan ‘Uthmaniyyah dan pengaplikasian wakaf tunai, ia bukan sahaja dapat membina institusi kebajikan untuk memberi perkhidmatan kepada orang ramai tetapi turut menjadi satu instrumen kepada penubuhan bandar-bandar di Semenanjung Balkan (Özcan, 2006). Sebagai contoh, wilayah Bosnia dan Herzegovina yang digelar *the land of waqf* kerana lebih 80% dari kewujudan bandar yang ada sekarang di wilayah tersebut adalah diasaskan melalui amalan wakaf yang dilakukan pada abad ke-16M (Car-Drnda, 2006; Omercic, 2017; Omercic, 2018).

Melalui amalan ini maka wujudlah institusi wakaf yang berfungsi dalam menjadi asas kepada pembentukan sesebuah bandar atau ia menjadi instrumen kepada pembangunan bandar yang telah sedia ada. Salah satu kawasan kecil yang dibangunkan oleh amalan ini ialah Sarajevo. Kawasan ini merupakan sebuah tempat yang bercirikan perkampungan zaman pertengahan Eropah yang bernama Vrh Bosna dan menjadi tempat terawal pertapakan kerajaan ‘Uthmaniyyah di Bosnia dan Herzegovina. Ia ditakluk oleh Gazi Isa Beg bin Ishak Beg yang merupakan seorang panglima ketika era Sultan Mehmet Çelebi I (1413-1421) (Akgunduz & Ozturk, 2011). Menurut Šurković dan Bojadžić (2017), melalui kedatangan tentera ‘Uthmaniyyah, ia membawa agama Islam ke wilayah tersebut sekali gus memperlihatkan penerimaan rakyat tempatan saban tahun untuk memeluk Islam.

Dengan demikian, antara amalan Islam yang mula dilaksanakan dalam wilayah tersebut adalah wakaf. Institusi wakaf yang terawal dicatatkan telah dibina di bandar Sarajevo oleh Gazi Isa Beg yang merupakan gabenor Bosnia pada tahun 1464-1470. Beliau merupakan pelopor amalan wakaf di wilayah Bosnia dan Herzegovina dengan mula mewakafkan hasil pendapatannya dari Anana dan Mirkofça untuk kegunaan serta pembaikan beberapa binaan

wakafnya, iaitu sebuah *tekke* (tempat orang sufi), dapur awam, *medrese* (institusi pendidikan), menyediakan gaji pekerja masjid, biasiswa untuk para pelajar, agihan kepada para ilmuwan dan bantuan untuk orang miskin di Bosnia. Seterusnya, pada tahun 1462 beliau mewakafkan hasil pendapatannya kepada penyelenggaraan sebuah jambatan wakaf dan penjaganya (*Bosna Hersek Vakfiyeleri*, 2016). Zubčević (2015) menjelaskan bahawa dana ini turut membantu dalam pembinaan kincir air, *karavansarai* dan beberapa kedai di sekitar kawasan perniagaan di Sarajevo yang sedang membangun.

PEMBANGUNAN WAKAF ERA GAZI HUSREV BEG PADA ABAD KE-16M

Walaupun Gazi Isa beg bin Ishak Beg merupakan pelopor wakaf di bandar Sarajevo, tetapi pembangunan yang rancak serta perkembangan yang pesat berjaya dilaksanakan ketika era Gazi Husrev Beg menjadi gabenor di sana. Melalui usaha beliau telah menjadikan Sarajevo sebagai salah satu bandar yang terkaya dan dikenali Eropah dan seluruh wilayah taklukan kerajaan ‘Uthmaniyyah (Osmančević, 2015; Šurković & Bojadžić, 2017). Lebih menarik lagi, apabila beliau merupakan gabenor Bosnia pertama yang mempunyai asal usul Bosnia. Maka, tidak hairanlah jika satu pertiga dari kehidupannya dimanfaatkan untuk membangunkan wilayah tersebut. Sikap murah hati beliau dan isterinya, Shahdidar mendorong mereka untuk mengeluarkan dana wakaf dan membina institusi wakaf bagi kemudahan rakyat di sana (Spaho, 1985). Sekiranya dilihat dengan teliti, Shahdidar merupakan wanita yang banyak berwakaf dan menyumbang melalui wakaf tunai dalam rekod wakaf 1604 di Bosnia dan Herzegovina. Kebanyakannya dilakukan selepas kematian suaminya pada tahun 1541 (Filan, 2007).

Pelbagai binaan wakaf yang diwujudkan seperti masjid, *medrese*, perpustakaan, *hammam* (tempat mandi awam), *imaret* (dapur awam), *tekke*, sistem pengairan dan sebagainya. Selain itu, melalui tanah dan hasil sewaan rumah serta barangannya beliau turut mewakafkan wang tersebut bagi tujuan penyelenggaraan binaan wakaf yang berada di beberapa tempat bukan sahaja tertumpu di bandar Sarajevo sahaja tetapi di bandar lain seperti Serez dan Jajce. Monumen- monumen wakaf ini dibina bercirikan gabungan seni bina Timur dan Barat serta dilihat berbeza dengan seni bina yang wujud di Anatolia. Hal ini kerana perancangan bandar dan pembinaan institusi wakaf di Bosnia dan Herzegovina melibatkan pewakaf serta arkitek tempatan yang telah memeluk Islam dan ingin mengekalkan ciri-ciri binaan tempatan.

Kompleks wakaf Gazi Husrev Beg di Sarajevo adalah binaan yang menggabungkan unit bangunan seperti *medrese*, perpustakaan dan masjid. Uniknyanya, beberapa binaan wakaf ini masih wujud sehingga sekarang dan masih berfungsi contohnya, perpustakaan yang menyimpan pelbagai khazanah ilmu dan manuskrip lama berkaitan sejarah ‘Uthmaniyyah di wilayah Balkan. Menariknya, *medrese* beliau menjadi institusi pendidikan paling tua di Bosnia dan Herzegovina dan menjadi tulang belakang dalam sistem pendidikan di sana (Raza, 2015). Pelbagai kursus yang diajarkan di *medrese* tersebut antaranya ialah pengajian Islam, sains dan falsafah. Begitu juga dengan perpustakaan yang mempunyai koleksi manuskrip dan catatan sejarah di sekitar kawasan Timur Eropah namun, sebahagiannya musnah disebabkan serangan pada tahun 1992-1995. Masjid Gazi Husrev Beg juga masih berfungsi dan menjadi tempat kunjungan umat Islam dan golongan bukan Islam yang mahu melihat seni bina Islam pada abad ke-16M.

Selain prasarana berbentuk kebajikan, Öztürk (2000) berpandangan amalan wakaf turut berfungsi dalam meningkatkan pembangunan ekonomi. Oleh yang demikian, kajian ini mengenal pasti bahawa Gazi Husrev Beg turut mengarahkan pembinaan *bezistan*, iaitu sebuah pasar tertutup yang menyerupai Bazaar Mesir di Istanbul. Bangunan ini merupakan satu bahagian daripada sebuah kompleks yang besar termasuk sebuah *taslihan* (tempat penginapan sementara bersaiz besar) yang bersambungan dengannya. Ini menyumbang kepada kepesatan ekonomi dan perdagangan di bandar tersebut (Šurković & Bojadžić, 2017). Oleh yang demikian, dengan terbinanya *bezistan* serta kemudahan yang lengkap ini telah memberi keselesaan kepada para pedagang yang datang dari Timur dan Barat untuk melakukan aktiviti perniagaan. Bagi tujuan ini juga, dibina kedai-kedai yang menjual tekstil dan pelbagai barangan keperluan. Keadaan ini menjadikan Sarajevo bukan sahaja tempat pertembungan budaya, tetapi juga pusat perdagangan yang penting sejak abad ke-16M. Melalui pembinaan *bezistan* tersebut, para pengkaji sejarah dapat melihat keunikan seni bina dan bentuk binaan wakaf ini kerana ia masih wujud sehingga sekarang malah, ia kekal sebagai pusat perniagaan di bandar Sarajevo.

Di samping itu juga, antara infrastruktur penting yang dibina di Bosnia dan Herzegovina ialah sistem pengairan dan pancuran air bagi membekalkan air bersih walaupun ketika musim salji. Sistem pengairan ini membawa air sejauh tujuh kilometer untuk disalurkan kepada 40 buah paip air di sekitar Sarajevo. Kemudahan ini disediakan oleh Gazi Husrev Beg melalui dana wakafnya dan merupakan sistem bekalan air yang pertama dibina di Eropah. Begitu juga dengan kemudahan di *hammam* yang menyediakan air panas untuk mandi serta bilik seperti sauna (Raza, 2015). Selain keperluan harian seperti air, beliau juga mementingkan aspek kesihatan dan kebersihan yang mendorong pembiayaan hospital Gazi Husrev Beg yang merupakan hospital pertama di Bosnia dan Herzegovina (Skrbo & Masic, 2017)

Walau bagaimanapun, terdapat sedikit kontroversi berkaitan tanah wakaf beliau di Sarajevo yang dibina sebuah gereja Kristian Ortodoks (Raza, 2015). Begitu juga situasi yang sama dilakukan ketika pembinaan penempatan komuniti Yahudi dan tempat ibadat mereka di Sarajevo (Riedlmayer, 2002; Riedlmayer, 2005). Pembinaan ini dilaksanakan berhampiran dengan masjid di bandar tersebut. Tindakan tersebut dikatakan sebagai bercanggah dengan undang-undang Islam yang tidak membenarkan pembinaan rumah ibadat agama lain oleh orang Islam kecuali jika memberikan peruntukan dalam menyelenggara binaan yang sedia ada. Namun begitu, ini dilakukan kerana kawasan tersebut sebenarnya bersambungan dengan kedua-dua tanah wakaf yang dimiliki oleh Gazi Husrev Beg dan Siyavus Pasha. Oleh itu, hal ini dilakukan demi menjaga keharmonian di antara penganut agama yang berbeza di Sarajevo selain agama Islam. Melalui maklumat yang diperolehi, kajian ini mengenal pasti bahawa kebanyakan binaan wakaf ini disediakan oleh orang perseorangan dan bukan datang dari peruntukan dana yang diberikan oleh kerajaan ‘Uthmaniyyah. Masyarakat dapat menikmati kemudahan daripada institusi wakaf ini dari sudut kesihatan, pendidikan, kerohanian, makanan serta peluang ekonomi.

KESIMPULAN

Keperibadian yang mulia dan kehebatan Gazi Husrev Beg di medan perang serta cita-cita beliau dalam menyebarkan peradaban Islam jelas mengikuti leluhurnya. Walaupun beliau merupakan seorang bangsawan, tetapi sikap rendah hati terhadap golongan rakyat membuatkan beliau

sentiasa diingati atas jasanya yang besar dalam perkara-perkara kebajikan. Beliau bukan sahaja membantu kerajaan ‘Uthmaniyyah meluaskan kuasa, tetapi juga menyebarkan agama Islam dan budaya wakaf yang akhirnya membangunkan bandar Sarajevo sebagai sebuah bandar penting di Timur Eropah. Sikap dermawan beliau tidak dapat disangkal lagi dengan melihat kepada banyaknya institusi wakaf yang dibina dan dana wakaf yang disalurkan kepada masyarakat tempatan. Malah, tindakan beliau ini juga mendidik rakyat untuk menjadi pemurah dan berbelas ihsan terhadap golongan yang memerlukan. Buktinya, di sepanjang pemerintahan ‘Uthmaniyyah, berlaku peningkatan jumlah pewakaf dan pertambahan jumlah umat Islam di Bosnia dan Herzegovina sehingga abad ke-20M. Golongan pewakaf ini terdiri daripada para pemerintah seperti gabenor, golongan cendekiawan, qadhi, panglima perang dan juga rakyat biasa yang terpengaruh untuk melakukan amal jariah ini.

PENGHARGAAN

Makalah ini ialah sebahagian daripada hasil kajian Kumpulan Penyelidikan ‘Sejarah Ketenteraan dan Tamadun Islam’ (SAKTI) menerusi Geran Universiti Penyelidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia dengan kod: GUP-2019-027.

RUJUKAN

- Akgunduz, A. & Ozturk, S. (2011). *Ottoman History Misperceptions and Truths*. Istanbul: IUR Press.
- Anon. (2018). *Waqf in Bosnia and Herzegovina: History, Current Status and Prospects*. Edisi ke-3. Sarajevo: Islamic Community in Bosnia and Herzegovina, Waqf’s Directorate.
- Bosna Hersek Vakifyeleri*. (2016). Ankara: Vakiflar Genel Müdürlüğü Yayinlari, Bosna Hersek Vakfiyeleri.
- Car-Drnda, H. (2006). Mostar: A legacy of Islamic culture & civilisation. *Proceeding of the Second International Symposium on Islamic Civilisation in the Balkans (Tirana Albania, 4-7 Dec 2003)*, hlm. 175-184.
- Filan, K. (2007). Women founders of pious endowments. Dlm. Amila Buturović & Irvin Cemil Schick (pnyt.). *Women in the Ottoman Balkans*, hlm. 99-126. London: I.B. Tauris & Co. Ltd.
- İnalçik, H. (2000). *The Ottoman Empire: The Classical Age 1300-1600*. London: Phoenix Press.
- İnalçik, H. (2012). *The Survey of Istanbul, 1455 the Text, English Translation, Analysis of the Text, Documents*. Istanbul: Türkiye İş Bankası Kültür Yayınları.
- Muzium medrese Kurshumliya*. (2019). Gazi husrev Beg. Sarajevo.
- Omercic, J. (2017). Waqf in Bosnia and Herzegovina in the 20th and 21st century. *Journal Islam and Civilisation Renewal* 9(2): 342-367.
- Omercic, J. (2018). *Socio-Economic Potential of Waqf in Bosnia and Herzegovina*. Sarajevo: Centar za Naprende Studije.
- Osmančević, E. (2015). Ghazi Husrev-Beg by Behija Zlatar. *Journal of Balkan Libraries Union* 3(1): 5-6.

- Özcan, T. (2006). The role of the cash foundations in the construction and development of Balkan cities. *Proceeding of the Second International Symposium on Islamic Civilisation in the Balkans (Tirana Albania, 4-7 Dec 2003)*, hlm. 193-200.
- Özturk, N. (2000). The wakf in the Ottoman period: a social policy perspective. Dlm. Kemal Cicek (pnyt.). *The Great Ottoman, Turkish Civilisation*, hlm. 780-800. Ankara: University Leiden.
- Raza, T. (2015). *Ghazi Husrev Bey: A Fascinating Lost Piece of Bosnian Islamic History the Power of Vision*. Pakistan: ESSAR.
- Riedlmayer, A. J. (2002). From the ashes: The past and future of Bosnia's cultural heritage. Dlm. Maya Shatzmiller (pnyt.). *Islam and Bosnia: Conflict Resolution and Foreign Policy in Multi-Ethnic States*, hlm. 98-135. Montreal: McGill-Queens University Press.
- Riedlmayer, A. J. (2005). *Convivencia* under fire: Genocide and Book-burning in Bosnia. Yearbook of International Convention of Salvicist Librarians' in Sarajevo 2005.
- Rosen, A. (2012). The consolidation of Ottoman power in Bosnia, 1463-1580. *Perspectives on Europe* 42(2): 88-91.
- Skrbo, A. & Masic, I. (2017). Influence of Arabian pharmacy on diseases treatment during Ottoman's period in Bosnia and Herzegovina. *Journal of The Academy of Medical Sciences in Bosnia and Herzegovina* 71(3): 219-225.
- Spaho, F. (1985). Vakufnama Šahdidar, supruge Gazi Husrev-bega. *Vakufname iz Bosne i Herzegovine XV i XVI vijek* Sarajevo: Orijentalni Institut u Sarajevu.
- Šurković, K. & Bojadžić, E. (2017). *Osmanska Arhitektura Sarajeva = Ottoman Architecture of Sarajevo = Saraybosna'da Osmanli Mimarisi*. Sarajevo: Monolit.
- Verde, T. (2016). Saving Sarajevo's literacy legacy. *Aramco World* 67(1): 24-33.
- Zubcevic, A. (2015). Book ownership in Ottoman Sarajevo 1707-1828. Tesis Doktor Falsafah. University of Leiden.